

**SOALAN NO: 430**

**PARLIMEN MALAYSIA**  
**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : Bertulis**

**DARIPADA : Dato' Johari bin Abdul [ Sungai  
Petani ]**

**SOALAN : Dato' Johari bin Abdul [ Sungai  
Petani ] minta **MENTERI PERTANIAN  
DAN INDUSTRI ASAS TANI**  
menyatakan :-**

- (a) sehingga sekarang berapa kos yang telah dibelanjakan untuk membangunkan National Feedlot Centre (NFC) di Gemas, Negeri Sembilan; dan
- (b) apakah rancangan Kerajaan terhadap kawasan ini yang kini terbiar.

Tuan Yang Dipertua,

- (a) *National Feedlot Centre* (NFC), Gemas, Negeri Sembilan telah dibangunkan di dalam Rancangan Malaysia ke Sembilan (RMKe-9) mulai tahun 2006. Peruntukan yang telah dibelanjakan oleh Kerajaan bagi membangunkan pusat tersebut sehingga 2010 adalah berjumlah RM 69.11 juta.
- (b) Kerajaan masih berhasrat untuk menjadikan NFC sebagai kawasan pengeluaran daging sebagaimana keputusan Jemaah Menteri bertarikh 14 Julai 2014. Sehubungan itu, cadangan model pembangunan kawasan telah dikemukakan oleh Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS) kepada kerajaan Negeri Sembilan untuk pertimbangan dan kelulusan. Cadangan tersebut termasuklah pengeluaran lembu secara fidlot sebagai aktiviti utama, pembiakan lembu pedaging, penternakan lembu tenusu dan pengeluaran makanan ternakan (*foder*).